

17 AUG 1997

PERLANTIKAN KETUA WANITA PERAK SEBAGAI S/PARLIMEN DIALUKAN

IPOH, 17 Ogos (Bernama) -- Perlantikan Ketua Wanita Umno Perak Ainon Khariyah Datuk Mohamed Abas sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi disambut baik, kata Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Beliau berharap Ainon Khariyah dapat memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin seperti yang diharapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat perlantikan itu.

Beliau yakin perlantikan Ainon Khariyah itu dibuat berdasarkan prestasinya dan kemampuannya untuk memimpin.

Ramli turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Fauzi Abdul Rahman yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Datuk Hishamuddin Tun Hussein yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Beliau juga menyambut baik perlantikan anggota Parlimen Pendang Datuk Othman Abdul sebagai Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri dan anggota Parlimen Jerantut Haji Ahmad Kamaruzaman Mohamed Baria sebagai Setiausaha Parlimen yang baru di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. -- BERNAMA.

HK PR